

**PERSEPSI PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA TERHADAP
PELAKSANAAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN
DALAM ERA PANDEMIK COVID-19**

**Muhammad Izzat bin Mailis
Zuriani Hanim binti Zaini
Nur Hafizaliyana binti Hassan
Kolej Universiti Islam Melaka**

Abstrak

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi para pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian yang dijalankan dalam era pandemik Covid-19. Kajian ini melibatkan 160 orang pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK) semester satu. Kajian ini adalah satu kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif dengan menggunakan nilai min. Borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan persepsi pelajar tentang pelaksanaan atas talian telah diadaptasi dari kajian lepas. Terdapat lima aspek yang telah dikaji. Dapatan kajian ini menunjukkan kelima-lima aspek yang dikaji di dalam kajian ini berada pada tahap sederhana iaitu kandungan pembelajaran atas talian (3.13), interaksi atas talian (3.05), maklum balas pensyarah (3.51), strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah (3.36) dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian (3.40). Justeru itu, usaha bagi penambahbaikan yang lebih tinggi dan berkesan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan dengan lebih baik pada masa akan datang. Kesediaan dan komitmen para pensyarah dan para pelajar juga amat penting demi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya untuk kebaikan kedua-dua pihak.

Kata kunci: *Persepsi, Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian, Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka.*

Abstract

The purpose of this study is to determine the perception of Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) students' on the implementation of online learning conducted in the Covid-19 pandemic era. This study involves 160 semester 1 students from Diploma in Early Childhood Education (ECE). This study is a quantitative study that uses descriptive survey method using mean value. The questionnaires are used as research instrument to obtain the students' perceptions of online implementation that has been adapted from previous studies. There are five aspects that have been studied. The findings of this study show that the five aspects studied in this study are at a moderate level, namely online learning content (3.13), online interaction (3.05), lecturer feedback (3.51), motivational strategies used by lecturers (3.36) and facilities for online learning applications (3.40). Therefore, efforts for higher and effective improvement need to be enhanced from time to time to ensure that online learning can be carried out better in the future. The readiness and commitment of lecturers and students are also very important to ensure that teaching and learning activities in this new norm can be implemented well for the benefit of both parties.

Keywords: *Perception, Online Learning Implementation, Kolej Universiti Islam Melaka student's*

PENGENALAN

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik yang sangat bahaya akibat daripada penularan sejenis wabak baharu jenis korona, yang dikenali sebagai wabak Covid-19 (Ehwan Ngadi, 2020). Pada ketika itu, dunia telah dikejutkan dengan berita penularan wabak baharu ini yang telah dikenal pasti berpunca daripada Bandar Wuhan di China. Ekoran daripada penularan wabak ini, ia telah mengakibatkan banyak bilangan kes kematian dengan angka yang sangat tinggi. Seperti yang kita sedia maklum, wabak Covid-19 ini telah mula dikesan oleh WHO sekitar bulan November 2019 di Bandar Wuhan dan ia telah merebak ke serata negara sehingga ke hari ini. Akibat daripada penularan wabak pandemik Covid-19 ini, ia telah memberi kesan terhadap pelbagai sektor di seluruh dunia.

Susulan daripada penularan Covid-19 ini, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu yang menuntut seluruh masyarakat untuk mengawal penularan wabak Covid-19 daripada terus merebak (Muzaffar Syah, 2020). Disebabkan hal itu, sektor pendidikan juga turut menerima kesan daripada pelaksanaan PKP ini. Sektor pendidikan seperti sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) terpaksa ditutup ekoran daripada bilangan kes yang semakin meningkat pada ketika itu. Umum mengetahui bahawa pada awal tahun 2020, sekolah dan IPT telah pun memulakan operasi seperti biasa yang mana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara bersemuka. Akan tetapi, ia telah berubah sepenuhnya apabila segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka terpaksa dihentikan dan dijalankan sepenuhnya secara atas talian dalam tempoh pelaksanaan PKP (Ehwan Ngadi, 2020).

Dalam era norma baharu ini, semua pihak perlu melaksanakan kerja-kerja seharian mereka menerusi platform secara atas talian. Jika dilihat pada masa kini, terdapat pelbagai jenis medium yang boleh digunakan oleh golongan pendidik untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Ia sebagai satu usaha untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan di dalam aktiviti pembelajaran mereka. Platform digital seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom*, *Schoology* dan *Edmodo* antara yang digunakan oleh para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Menurut Nor Fauziana (2020), kaedah PdP secara atas talian ini menuntut komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi. Justeru itu, semua pihak haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi norma baharu, iaitu pelaksanaan PdP secara atas talian yang menyeluruh dalam era pandemik Covid-19 ini demi kelangsungan proses pembelajaran para pelajar.

Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, ia dilihat sebagai satu cabaran besar kepada para pensyarah untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian. Bukan sahaja para pensyarah tetapi para pelajar juga turut mengalami masalah yang sama di dalam pelaksanaan pembelajaran secara atas talian ini.

Oleh yang demikian, pengkaji telah memperincikan permasalahan kajian secara umum yang dihadapi oleh para pensyarah dan juga pelajar-pelajar IPT di seluruh Malaysia. Permasalahan kajian ini dipecahkan kepada tiga masalah utama, iaitu kebolehcapaian internet, pengurusan emosi dan pentaksiran secara holistik.

Masalah yang pertama adalah kebolehcapaian internet di kawasan kediaman para pelajar. Seperti yang diketahui, para pelajar IPT datang dari pelbagai jenis kawasan penempatan. Ada yang tinggal di kawasan bandar, ada juga yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Justeru itu, masalah kebolehcapaian internet dilihat sering kali berlaku apabila kelas secara atas talian yang dijalankan sepanjang tempoh kuliah berlangsung. Kenyataan ini disokong oleh Bernama (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran secara atas talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas di setiap kawasan sama ada di bandar, luar bandar atau kawasan pedalaman. Oleh itu, ini adalah satu cabaran yang besar buat para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian kerana tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang baik di kawasan tempat tinggal mereka.

Selain itu, masalah yang dilihat dalam pelaksanaan pembelajaran secara atas talian ini adalah dari segi pengurusan emosi. Ini kerana rata-rata dalam kalangan pelajar IPT menghadapi masalah dari aspek emosi yang kurang stabil apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian seperti tugas-tugas yang diberikan oleh para pensyarah. Secara asasnya, pelaksanaan pembelajaran atas talian ini sebenarnya memerlukan para pelajar membina sendiri kemahiran pembelajaran mereka sepanjang hayat kerana di peringkat IPT sendiri, para pensyarah hanyalah sebagai pemudahcara kepada pelajar. Kenyataan ini telah disokong oleh Nor Hidayati (2020) yang menyatakan bahawa para pelajar tidak boleh lagi menggunakan set pemikiran terdahulu, iaitu menunggu pensyarah untuk bercakap atau memulakan kuliah sebaliknya mereka perlu mencari bahan pembelajaran sebagai persediaan awal sebelum kuliah bermula. Oleh itu, pengurusan emosi sangat penting bagi memastikan aspek perkembangan sendiri pelajar dapat berkembang dengan baik.

Di samping itu, masalah dari aspek pentaksiran secara holistik yang dilakukan turut dikenal pasti sebagai permasalahan dalam kajian ini. Persoalan yang timbul dalam tempoh pembelajaran atas talian ini adalah bagaimana pentaksiran itu dapat dinilai dengan memenuhi tuntutan dan kehendak di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kenyataan ini disokong lagi oleh Ehwan Ngadi (2020) yang menyatakan bahawa jika sebelum ini pentaksiran dijalankan secara bertulis tetapi setelah berlakunya pembelajaran atas talian dalam tempoh pandemik Covid-19 ini, maka kaedah pentaksiran secara holistik yang dilihat paling ideal dalam mengukur tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar. Oleh yang demikian, setiap tugas yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar melalui medium atas talian amat memerlukan mereka menggunakan keupayaan pemikiran aras tinggi di dalam melaksanakan tugas tersebut.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan lima (5) objektif kajian yang tertumpu kepada tajuk kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Mengetahui persepsi pelajar KUIM terhadap kandungan pembelajaran atas talian.
- ii. Mengetahui persepsi pelajar KUIM terhadap interaksi atas talian.
- iii. Mengetahui persepsi pelajar KUIM terhadap maklum balas pensyarah.
- iv. Mengetahui persepsi pelajar KUIM terhadap strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah.
- v. Mengetahui persepsi pelajar KUIM terhadap kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian.

Soalan Kajian

Berdasarkan daripada objektif kajian yang telah dikenalpasti, pengkaji mengemukakan lima (5) soalan kajian yang akan menjawab kepada keseluruhan kajian ini nanti. Antaranya ialah:

- i. Apakah persepsi pelajar KUIM terhadap kandungan pembelajaran atas talian?
- ii. Apakah persepsi pelajar KUIM terhadap interaksi atas talian?
- iii. Apakah persepsi pelajar KUIM terhadap maklum balas pensyarah?
- iv. Apakah persepsi pelajar KUIM terhadap strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah?
- v. Apakah persepsi pelajar KUIM terhadap kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian?

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat sendiri persepsi pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK) semester satu di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian yang dijalankan dalam era pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, ia turut memberikan kepentingan kepada para pensyarah di dalam melaksanakan pembelajaran secara atas talian ini bagi penambahbaikan pada masa akan datang.

Disebabkan wabak pandemik Covid-19 masih lagi tular, maka tempoh tamat pelaksanaan pembelajaran secara atas talian ini juga masih belum diketahui. Ia bergantung kepada bilangan kes harian yang dilaporkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa dan juga arahan semasa yang diumumkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kepada pihak pengurusan IPT.

SOROTAN LITERATUR

Pembelajaran atas talian merupakan suatu keperluan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi dalam menghadapi penularan wabak Covid-19 yang melanda di seluruh negara. Hal ini juga seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan di Malaysia bagi membendung penularan wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat teknologi pada hari ini telah memberi impak yang sangat besar kepada hampir kesemua sistem di seluruh pelusok dunia. Kemajuan teknologi ini bukan sahaja memudahkan proses sesuatu sistem dan meningkatkan kualiti dan kuantiti penghasilan, bahkan ia mempercepatkan lagi aliran kerja (Ahmad Zaki, Ahmed Thalal, Ahmad, Nor dan Mohd Shahrman, 2014). Disebabkan itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), atau istilah “teknologi pendidikan” telah mula dilaksanakan secara meluas sama ada di peringkat sekolah, mahupun di peringkat pengajian tinggi.

Menurut Ahmad Zaki, et. al. (2014), aplikasi atau perisian tertentu sama ada secara atas talian (*online*) atau tanpa talian (*offline*) merupakan salah satu bentuk teknologi atau boleh juga dikatakan sebagai satu produk yang dihasilkan oleh teknologi sebagaimana diterangkan oleh Finn (1960), Galbraith (1967), Heinich, Molenda dan Russell (1989) dan Romizowski (1988).

Penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) sememangnya lebih fleksibel di dalam pembelajaran secara maya. Menurut Abd. Kadir (2016), pembelajaran atas talian merupakan kaedah pembelajaran secara elektronik dan digital di mana guru dan pelajar tidak memerlukan komunikasi secara bersemuka. Pembelajaran atas talian dalam pengajaran dan pemudahcaraan adalah penting seiring dengan perkembangan dunia pendidikan yang serba canggih ini. Tambahan lagi, bahan pembelajaran juga lebih mudah untuk diakses dengan pantas di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu dan sempadan, malah ia juga mengandungi pelbagai sumber-sumber rujukan termasuk daya tarikan yang menarik dari segi penggunaan multimedia dan grafik.

Pembelajaran secara atas talian adalah interaksi dua hala antara pelajar dengan sistem dalam pembelajaran berbantuan komputer (Harlina, Zubaidah dan Ainee, 2019). Menurut Pollard & Hillage (2001) dalam Hazwani, Noor Raudhiah dan Norziah (2017), tidak semua pelajar atau organisasi dapat menikmati kelebihan penggunaan e-pembelajaran ini. Ini kerana e-pembelajaran menuntut budaya belajar yang lebih efektif sehingga penggunanya dapat memotivasikan pelajar untuk belajar. Malahan menurut kajian Faridah dan Afham (2019) yang menekankan pembelajaran secara atas talian merupakan medium internet yang menggunakan kaedah pembelajaran secara aktif di dalam bilik darjah. Selain itu, kajian ini disokong lagi dengan kajian Surjono, Dwi, Herman (2015), yang mengatakan bahawa e-pembelajaran dapat melahirkan sistem pembelajaran yang lebih fleksibel dan meluas. Justeru itu, pelajar akan menjadi lebih fleksibel untuk memilih waktu dan tempat belajar kerana mereka tidak perlu datang ke suatu tempat pada waktu tertentu.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian dibahagikan kepada reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan juga kesahan dan kebolehpercayaan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif bagi mendapatkan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian. Kaedah tinjauan ini merupakan kaedah yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang. Kaedah kuantitatif membolehkan sesuatu data dapat dikumpulkan dan dianalisis untuk menghasilkan maklumat dan pengetahuan tentang pendapat, sikap dan amalan (Gall, M, Gall J.P dan Borg, 2007).

Sampel Kajian

Penentuan bagi saiz sampel kajian ini ditentukan mengikut jadual penentuan saiz sampel daripada Krejcie dan Morgan (1970). Populasi responden kajian adalah seramai 260 orang pelajar semester satu bagi program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Kolej Universiti Islam Melaka. Oleh itu, hanya 160 orang pelajar sahaja yang diperlukan sebagai sampel kajian ini. Kaedah persampelan yang digunakan adalah secara rawak mudah. Data yang telah dikumpulkan dikod, direkod dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 24.0 untuk mendapatkan skor min bagi setiap aspek yang dinilai.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik kajian ini telah diadaptasi daripada borang soal selidik kajian “Keberkesanan Forum Atas Talian MyGuru 2” yang dijalankan oleh Mahizer Hamzah. Instrumen kajian ini dilihat daripada lima aspek, iaitu (i) kandungan pembelajaran, (ii) interaksi atas talian, (iii) maklum balas pensyarah, (iv) strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah dan (v) kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian.

Instrumen kajian ini juga telah diubah suai dari segi struktur ayat supaya ia bersesuaian dengan situasi dalam kajian ini. Kaedah skala lima likert telah digunakan sebagai pilihan jawapan daripada responden kajian bagi mengenal pasti persepsi mereka terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian. Skala lima likert ini juga digunakan untuk memudahkan pengkaji mengenal pasti pandangan dan penilaian responden terhadap item-item yang dirasakan sesuai. Jadual 1.1 berikut menunjukkan skor penilaian skala likert yang digunakan bagi bahagian ini:

Jadual 1.1
Skor Skala Likert

Pernyataan	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) instrumen bagi kajian ini, satu kajian rintis telah dijalankan yang melibatkan seramai 30 orang responden memandangkan kiraan statistik akan berfungsi sekiranya sampel (n) melebihi 30 orang (Darusalam & Hussin, 2018). Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh hasil daripada kajian rintis akan dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim, 2007) seperti yang berikut bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau disingkirkan daripada instrumen.

Jadual 1.2

Nilai Kebolehpercayaan

Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan
.90 dan ke atas	Amat baik
.80-.89	Baik
.60-.79	Sederhana
.40-.59	Diragui
.00-.39	Ditolak

Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian ini telah menunjukkan nilai alpha cronbach ialah .95. Ini menunjukkan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi kajian ini adalah amat baik dan mempunyai ketekalan dalaman yang melebihi .70. Oleh itu, instrumen kajian ini sesuai digunakan untuk kajian yang sebenar.

DAPATAN KAJIAN

Persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian diukur dari enam aspek iaitu kandungan pembelajaran, interaksi atas talian, maklum balas pensyarah, strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian. kajian ini telah menggunakan dan merujuk kepada interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Pallant (2011) seperti yang berikut. Jadual 1.3

Interpretasi Skor Min

Tahap	Skor Min
Tinggi	3.67-5.00
Sederhana	2.34-3.66
Rendah	1.00-2.33

Kandungan Pembelajaran Atas Talian

Jadual menunjukkan analisis skor min persepsi pelajar terhadap kandungan pembelajaran atas talian. Analisis skor min menunjukkan para pelajar berpendapat topik perbincangan dalam pembelajaran atas talian dapat mencabar minda mereka mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu 3.51. Seterusnya bahan rujukan banyak membantu mereka untuk memahami pembelajaran pula mempunyai nilai min 3.36.

Seterusnya kandungan pembelajaran atas talian adalah bersesuaian dengan kursus yang diambil mempunyai nilai min 3.21. Manakala perbincangan semasa pembelajaran atas talian memudahkan pelajar untuk bertanya kepada pensyarah secara terus mendapat nilai min 2.75 dan akhir sekali persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian membantu mereka memahami perkara yang sukar mendapat nilai min yang terendah iaitu 2.75. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kandungan pembelajaran atas talian adalah di tahap sederhana pada nilai skor min 3.13.

Jadual 1.4

Persepsi Pelajar Terhadap Kandungan Pembelajaran Atas Talian

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Kandungan pembelajaran atas talian sesuai dengan kursus yang saya ambil	3.21	Sederhana
2	Topik perbincangan dalam pembelajaran atas talian mencabar minda saya	3.51	Sederhana
3	Perbincangan semasa pembelajaran atas talian membantu saya memahami perkara yang sukar	2.75	Sederhana
4	Perbincangan semasa pembelajaran atas talian memudahkan saya bertanya dengan pensyarah secara terus	2.81	Sederhana
5	Bahan rujukan (cth; pautan, nota) banyak membantu saya dalam pembelajaran atas talian	3.36	Sederhana
	Keseluruhan	3.13	Sederhana

Interaksi Atas Talian

Jadual berikut menunjukkan analisis skor min persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut interaksi atas talian. Analisis skor min menunjukkan nilai yang paling tinggi pada pernyataan pensyarah menggalakkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain semasa pembelajaran atas talian iaitu dengan nilai 3.24. Perbincangan antara rakan sekursus membantu mempertingkatkan kefahaman pelajar pula mendapat nilai min 3.19.

Seterusnya interaksi pensyarah dengan pelajar membantu memahami pembelajaran mempunyai nilai min sebanyak 3.10. Perbincangan antara pensyarah dan pelajar berjalan secara konsisten sepanjang semester pula menunjukkan nilai min sebanyak 3.08 dan akhir sekali persepsi pelajar terhadap kemudahan untuk menyertai perbincangan atas talian unatuk menyiapkan tugas mempunyai nilai min yang terendah iaitu 2.66. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut interaksi atas talian adalah di tahap sederhana pada nilai min 3.05.

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Perbincangan antara pensyarah dan pelajar berjalan secara konsisten sepanjang semester	3.08	Sederhana
2	Perbincangan antara rakan sekursus banyak membantu mempertingkatkan kefahaman saya	3.19	Sederhana
3	Saya berasa lebih mudah menyertai perbincangan atas talian dengan rakan-rakan untuk menyiapkan tugas	2.66	Sederhana
4	Pensyarah saya menggalakkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain semasa pembelajaran atas talian	3.24	Sederhana
5	Interaksi antara pensyarah dan pelajar membantu saya memahami pembelajaran atas talian	3.10	Sederhana
Keseluruhan		3.05	Sederhana

Maklum Balas Pensyarah

Jadual berikut menunjukkan analisis skor min bagi persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut maklum balas pensyarah. Analisis skor min yang mempunyai nilai tertinggi adalah pada pernyataan pensyarah memberi maklumat tambahan yang diperlukan pelajar pada nilai 3.63 manakala pernyataan pensyarah memberi jawapan yang dikehendaki pelajar mendapat nilai min sebanyak 3.58.

Seterusnya persepsi pelajar terhadap pensyarah memberi maklum balas segera terhadap persoalan pelajar mendapat nilai min sebanyak 3.43 dan nilai min bagi pernyataan yang menyatakan pelajar memahami maklum balas pensyarah mendapat nilai yang terendah iaitu 3.41. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut maklum balas pensyarah adalah di tahap sederhana pada nilai skor min 3.51.

Jadual 1.6
Persepsi Pelajar Dari Sudut Maklum Balas Pensyarah

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Pensyarah saya memberi maklum balas segera terhadap persoalan saya	3.43	Sederhana
2	Pensyarah memberi jawapan yang saya kehendaki	3.58	Sederhana
3	Pensyarah memberi maklumat tambahan yang saya perlukan	3.63	Sederhana
4	Saya memahami maklum balas yang disampaikan oleh pensyarah	3.41	Sederhana
Keseluruhan		3.51	Sederhana

Strategi Motivasi yang Digunakan oleh Pensyarah

Jadual berikut menunjukkan analisis nilai skor min bagi persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah. Analisis skor min tertinggi pada pernyataan pensyarah memberi motivasi dan galakan kepada pelajar yang hadir dalam pembelajaran atas talian dengan nilai 3.51. Pensyarah menggalakan semua pelajar menyertai perbincangan semasa pembelajaran atas talian mendapat nilai min sebanyak 3.43.

Seterusnya persepsi pelajar terhadap pensyarah menggunakan maklum balas pelajar bagi menggalakkan perbincangan semasa pembelajaran atas talian mendapat nilai min 3.36 dan nilai min yang terendah pula adalah pada pernyataan pensyarah menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam pembelajaran atas talian mendapat nilai 3.15. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah adalah di tahap sederhana dengan nilai min 3.36.

Jadual 1.7

Persepsi Pelajar Dari Sudut Strategi Motivasi

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Pensyarah menggalakkan saya untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran atas talian	3.15	Sederhana
2	Pensyarah memberi motivasi dan galakan apabila saya hadir dalam pembelajaran atas talian	3.51	Sederhana
3	Pensyarah menggunakan maklum balas saya bagi menggalakkan perbincangan semasa pembelajaran atas talian	3.36	Sederhana
4	Pensyarah memberi motivasi untuk menggalakan semua pelajar menyertai perbincangan semasa pembelajaran atas talian	3.43	Sederhana
	Keseluruhan	3.36	Sederhana

Kemudahan Mengakses Aplikasi Pembelajaran Atas Talian

Jadual berikut menunjukkan analisis skor min bagi persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah dalam kursus yang diambil. Analisis skor min tertinggi menunjukkan pelajar tahu mengakses aplikasi atas talian yang digunakan oleh pensyarah semasa pembelajaran atas talian dengan nilai 3.51.

Seterusnya nilai min yang ditunjukkan pada pernyataan pensyarah menggunakan aplikasi yang memudahkan pelajar untuk menghantar maklum balas atau tugas dan maklum balas atau tugas yang dihantar tidak hilang mempunyai nilai min yang sama iaitu 3.48. Persepsi pelajar terhadap paparan aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah mempunyai nilai min sebanyak 3.38 dan yang terakhir ialah pelajar boleh mengakses aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan pensyarah dengan mudah tanpa gangguan internet mempunyai nilai min terendah iaitu 3.16. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian adalah di tahap sederhana pada nilai skor min 3.40.

Jadual 1.8
Persepsi Pelajar Dari Sudut Kemudahan Mengakses Aplikasi Pembelajaran Atas Talian

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya tahu mengakses aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah	3.51	Sederhana
2	Saya boleh mengakses aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah dengan mudah tanpa gangguan internet	3.16	Sederhana
3	Pensyarah menggunakan aplikasi pembelajaran atas talian yang memudahkan saya untuk menghantar maklum balas atau tugas yang diberikan	3.48	Sederhana
4	Maklum balas atau tugas yang dihantar tidak hilang	3.48	Sederhana
5	Saya suka dengan paparan aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah	3.38	Sederhana
	Keseluruhan	3.40	Sederhana

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan nilai min terhadap kelima-lima aspek yang dikaji dalam pembelajaran secara atas talian berada di tahap sederhana. Nilai min dari aspek maklum balas pensyarah mendapat nilai yang paling tinggi berbanding aspek yang lain, iaitu sebanyak 3.51 dan diikuti dengan aspek kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian (3.40), strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah (3.36), kandungan pembelajaran atas talian (3.13) dan interaksi atas talian (3.05).

Dapatan ini menunjukkan bahawa maklum balas pensyarah merupakan satu aspek yang penting dalam membantu pembelajaran pelajar terutamanya ketika kita sedang berada dalam tempoh pandemik Covid-19 yang membataskan pergerakan secara fizikal. Pembelajaran secara atas talian merupakan satu inisiatif yang digunakan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran masih dapat diteruskan. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Suprato (2018) yang membuktikan bahawa komunikasi secara efektif mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peningkatan pembelajaran pelajar. Oleh itu, komunikasi di antara pensyarah dan pelajar adalah sangat penting kerana perhubungan di antara guru dan pelajar di dalam kelas dapat membantu menyelesaikan masalah melalui komunikasi yang efektif.

Selain itu, bagi aspek kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran secara atas talian pula mencatat keutamaan yang kedua. Ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi bukan lagi menjadi masalah utama untuk dikuasai oleh para pelajar memandangkan penggunaan peralatan teknologi bukanlah satu perkara yang asing dalam era globalisasi ini. Kepelbagaian aplikasi yang boleh digunakan bagi membantu pelaksanaan pembelajaran atas talian telah menjadi satu platform untuk menggantikan sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.

Persepsi pelajar terhadap aspek strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan pembelajaran atas talian juga berada di tahap yang sederhana. Namun demikian, motivasi merupakan salah satu aspek yang penting untuk seseorang itu belajar tentang sesuatu perkara. Sungguhpun kaedah pembelajaran kini telah berubah kepada mod atas talian, peranan pendidik sebagai fasilitator dalam proses pembelajaran masih perlu dikekalkan. Ini kerana ciri-ciri pendidik yang berkualiti dapat meningkatkan komitmen pelajar di dalam pembelajaran dan meningkatkan pencapaian pelajar (Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak, 2010). Malah dalam kajian Yackop Jantan dan Chua Yan Piaw (2017) juga telah membuktikan bahawa peranan

seorang pendidik dalam mewujudkan motivasi pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek yang kuat terhadap pembentukan sahsiah pelajar.

Aspek kandungan pembelajaran dan aspek interaksi pembelajaran atas talian telah menyumbang nilai min yang terendah berbanding aspek-aspek yang lain namun masih berada di tahap yang sederhana. Keadaan ini menunjukkan bahawa para pelajar masih belum dapat menguasai atau memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh pensyarah dengan baik. Kekangan komunikasi di antara para pelajar yang menjadi faktor kurangnya interaksi antara rakan sekursus memandangkan responden dalam kajian ini berada di dalam semester yang pertama. Keadaan ini bersesuaian dengan dapatan kajian daripada Roslaili Anuar dan Wan Zamani (2015) yang menunjukkan kesediaan pelajar untuk menerima e-pembelajaran masih belum berubah. Hal ini kerana mereka masih berada dalam proses untuk menyesuaikan pembelajaran melalui teknologi dan masih berada dalam satu transisi baharu untuk menyesuaikan diri dengan kursus yang diambil. Oleh yang demikian, perubahan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian perlu dipertingkatkan agar dapat membentuk persekitaran pembelajaran yang lebih bermakna sungguhpun di dalam keadaan maya.

Daripada hasil kajian yang dijalankan, pengkaji dapat merumuskan bahawa persepsi pelajar DPAK semester satu di KUIM terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian dalam era pandemik Covid-19 masih berada di tahap yang sederhana. Justeru itu, usaha bagi penambahbaikan yang lebih tinggi dan berkesan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan dengan lebih baik pada masa akan datang. Kesediaan dan komitmen para pensyarah dan para pelajar juga amat penting demi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya untuk kebaikan kedua-dua pihak

BIBLIOGRAFI

- Abd. Kadir Arifin. (2016). *Pendidikan Andragogi*. Selangor: Mazan Synergy Enterprise.
- Ahmad Zaki, Ahmed Thalal, Ahmad, Nor dan Mohd Shahriman. (2014). *Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada Quizlet.com*. Universiti Malaysia Kelantan. Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014), Batu Pahat, Johor, 9-10 April 2014.
- Bernamea. (2020). *Cabaran Mengajar Dalam Talian*. Diperolehi semula melalui laman web <http://sinarharian.com.my/cabaran-mengajar-dalam-talian> pada 9 September 2020.
- Ehwan Ngadi. (2020). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Diperolehi semula melalui laman web <http://usim.edu.my/COVID19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian> pada 7 September 2020.
- Faridah Che In & Afham Zulhusmi Ahmad. (2019). Kajian Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Berasaskan Aplikasi Kahoot: Satu Kajian Tindakan Terhadap Kursus *Principles of Marketing*. *Online Journal For TVET Practitioners*, 4(1), 1-10.
- Gall, M., Gall, J. P., & Borg, W. (2007). *The Nature Of Educational Research*. Educational Research: An Introduction. Pearson
- Harlina Ishak, Zubaidah Mat Nor & Ainee Ahmad. (2017). *Pembelajaran Interaktif Berasaskan Aplikasi Kahoot dalam Pengajaran Abad ke-21*. Buku Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21. Institusi Pendidikan Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hazwani, Noor Raudhiah dan Norziah. (2017). *E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Selangor*. Faculty of Management and Muamalah, International Islamic University College of Selangor. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. Vol. 1, No. 1 (2017), 74-82.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Muzaffar Syah. (2020). *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian*. Diperolehi semula melalui laman web <http://bernama.com/pengajaran-dan-pembelajaran-dalam-talian> pada 15 Oktober 2020.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). *Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia*. Kolej Komuniti Bentong.
- Nor Hidayati Mokhtar. (2020). *Covid-19: Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Ulasan Pakar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Mengenai Isu Semasa.
- Roslaili Anuar dan Wan Zamani Wan Zakaria. (2015). *TPACK dalam Pendidikan Seni Visual: Satu Kajian Mengenai Kesediaan Pelajar Menggunakan E-Pembelajaran Dalam Pembelajaran Pendidikan Seni Visual*. *Kupas Seni: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 3.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd. Razak. (2010). *Hubungan Guru Pelajar dan Kaitannya Dengan Komitmen Pelajar Belajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar?* *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35, 2, 61-69.
- Suprpto, H. A. (2018). *Pengaruh Komunikasi Efektif Untuk Meningkatkan Hasil Belajar Mahasiswa*. *Khazanah Pendidikan*, 11(1).
- Yackop Jantan dan Chua Yan Piaw. (2017). *Kompetensi Guru Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Sekolah*. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(3), 1-12.